



*EON Inspirasi*  
Edisi Dr. Nor'aishah Abu Shah

*Rahsia Lebah*  
Sains vs Alquran

*Warisan Semulajadi Geologi*  
Hubungan dengan Flora dan Fauna

*Basic Navigation in Forest*  
Tips and tricks

ISSN 2773-5869



9 772773 586005



# Makalah Akademia

## AYAM HUTAN

Oleh

Noorliza Zainol<sup>1</sup>, Abdul Rahman Ahmad  
Rozali<sup>1</sup>, Norrina Din<sup>1</sup>, Mohamad Azli Razali<sup>1</sup>  
dan Mohd Farizan Mohd Saad@Zakaria<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan,  
Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pulau  
Pinang

<sup>2</sup>Kursus Penyediaan dan Pembuatan Makanan,  
Sekolah menengah Pendidikan Khas  
Vokasional Merbok, Kedah

[noorliza690@uitm.edu.my](mailto:noorliza690@uitm.edu.my)

EDITOR: DR. NOR'AISHAH ABU SHAH

AYAM HUTAN...PANTAS TERBANGNYA....  
BERMACAM WARNA...CANTIK BULUNYA...  
DI MASAK UNGKEP...ADUH ENAKNYA...  
TERINGIN MAKAN...DI MANA NAK CARINYA...

AYAM HUTAN TERBANG KE HUTAN  
TALI TERSANGKUT PAGAR BERDURI  
ADIK BUKAN SAUDARA BUKAN  
HATI TERSANGKUT KERANA BUDI

AYAM HUTAN, AYAM SERAMA  
WAJAH MIRIP KELIHATAN, WALAU TAK SAMA

Terdiri dari salah satu di antara empat spesies burung hidup dari kumpulan genus *Gallus* dan dalam keluarga '*Phasianidae*', ayam hutan adalah turutan burung *Gallinaceous* yang mana boleh didapati di India, Sri Lanka dan Asia Tenggara. Ayam hutan adalah gelaran umum bagi jenis ayam liar yang hidup di hutan. Ayam hutan dikenali juga dengan nama '*Ayam Alas*' (bahasa Jawa), '*Ajem Alas*' (bahasa Madura) dan '*Junglefowl*' (bahasa Inggeris) yang merujuk kepada sifat liar ayam tersebut dan tempat habitatnya.

Ayam belaan terutama ayam kampung yang ada kini diandaikan mempunyai hubung kait dengan baka spesies ayam hutan dari sudut bentuk dan perilaku.

Ayam hutan boleh dibahagikan kepada beberapa spesies antaranya; 1) Ayam Hutan Merah (*Gallus gallus*); 2) Ayam Hutan Sri Lanka (*Gallus lafayetii*); 3) Ayam Hutan Kelabu (*Gallus sonneratii*) dan 4) Ayam Hutan Hijau (*Gallus varius*). Kesatuan Pemuliharaan Alam Sekitar Antarabangsa, telah menyenaraikan Ayam Hutan Merah sebagai spesies terancam sejak 2004 dan ayam hutan merah ini dikategorikan sebagai haiwan liar yang dilindungi oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) semenanjung Malaysia. Semasa zaman pra-sejarah, genus *Gallus* boleh didapati di seluruh Eurasia dan telah berevolusi di tenggara Eropah.

Ayam Hutan Merah dan Ayam Hutan Hijau merupakan spesies yang boleh didapati di sekitar ladang kelapa sawit, hutan paya bakau dan hutan belukar sama ada di pergunungan yang mempunyai dataran tinggi atau padang rumput terbuka. Pada waktu musim membiak, ayam hutan boleh dijumpai di hutan belukar. Di Malaysia dan Indonesia, Ayam Hutan Merah terdiri dari keluarga burung atau ayam. Sementara Ayam Hutan Kelabu boleh di dapati di negara-negara lain dan Ayam Hutan Sri Lanka hanya terdapat khusus di negara Sri Lanka. Keempat-empat spesies ayam hutan ini mempunyai ciri yang berbeza mengikut habitat dan persekitarannya.

Ayam hutan jantan dan betina mempunyai bentuk susuk tubuh, warna dan ukuran yang berbeza. Ayam hutan jantan boleh dikenalpasti pada bentuknya yang besar dengan bulu berwarna-warni, mempunyai warna yang jelas terutama dibahagian tengkuk yang panjang, bulu yang berwarna merah kehitaman dan kuning keemasan.


Manakala bulu di bahagian sayap sedikit kehitaman serta sedikit hijau kebiruan. Bahagian ekor berwarna hitam dan kehijauan berkilat serta terjungkit sedikit keatas. Bagi bahagian kepala mempunyai balung seperti ayam biasa, muka dan gelabir berwarna merah dan mempunyai tanda putih pada bahagian bawah telinga. Ayam hutan jantan tidak terlibat atau tidak berperanan dalam proses pengeraman telur atau proses membesarkan anak kerana tugas ini dilakukan oleh pasangannya ayam betina.

Ayam hutan betina bulu badannya berwarna monoton dan agak kusam. Bahagian atas badan berwarna coklat lusuh dengan jalur-jalur halus kehitaman dan putih kekuningan. Serta pada bahagian dada berwarna coklat dengan comotan berwarna coklat kemerahan; pada bahagian kepala mempunyai kulit kepala berwarna merah jambu dan mempunyai tanda putih pada bahagian bawah telinga. Lilit panjang keseluruhan bagi ayam hutan jantan adalah sekitar 65 - 78 cm (ekor pula sepanjang 28 cm); ayam hutan betina adalah sekitar 41 - 46 cm dan berat purata adalah sekitar 500 - 1700 gram.

Ayam hutan hidup secara berpasangan dan berada dalam kumpulan-kumpulan yang kecil, habitat tidurnya di atas ranting perdu atau semak yang tidak jauh dari tanah. Pada musim bertelur, ayam hutan betina akan membuat sarang yang sederhana besar di atas tanah atau celahan akar kayu dan akan mengerami telurnya sehingga menetas. Ayam hutan betina menghasilkan 4-9 biji telur bagi setiap tempoh eraman. Ayam hutan membiak sepanjang tahun, pembiakan yang dilakukan dengan cara bertelur dan telur yang terhasil adalah bercengkerang keras dan saiz telur yang terhasil adalah kecil seperti telur ayam kampung. Anak-anak ayam hutan akan diasuh oleh induk ayam hutan betina.

Ayam hutan berkemampuan untuk terbang dengan pantas seperti burung. Ayam hutan akan terbang untuk menyelamatkan diri sekiranya ada gangguan pemangsa dan akan menjadikan atas pokok sebagai tempat tidurnya. Ayam hutan jantan bersifat garang dan berkokok seperti ayam kampung tetapi mempunyai nada kokokan yang lebih tinggi dan berakhir lebih pendek pada kokokan terakhir.

Ayam hutan adalah haiwan jenis pemakan serba-serbi, sumber makanan ayam hutan adalah serangga yang terdapat dipersekitaran habitatnya dan bijirin. Selain itu ayam hutan juga menjadikan pucuk-pucuk rumput, serangga dan berbagai haiwan kecil sebagai sumber makanannya.



Gambar 1: Ayam hutan (Sumber: Koleksi peribadi penulis)

Ayam hutan boleh dijadikan satu hidangan yang lazat lagi menyelerakan. Walaubagaimanapun, daging ayam hutan sangat liat dan agak keras terutama bagi ayam hutan yang telah tua. Ayam hutan yang ingin dijadikan hidangan perlulah dibuang bulunya sama seperti cara memproses ayam daging, kemudiannya diletakkan sedikit bahan pelembut daging iaitu baking powder atau getah betik, bagi melembutkan isi dagingnya. Masakan yang sesuai bagi ayam hutan ini ialah masak ungkep atau masak kicap.



Aktiviti menarik yang boleh dikaitkan dengan ayam hutan adalah aktiviti menangkap ayam hutan dengan kaedah traditional yang dikenali sebagai “meracik ayam”. Racik ini merupakan satu alat menangkap ayam hutan yang diperbuat daripada tali nylon yang diikat seperti jerat dan ia diikat pada tiang pacak yang dibenamkan pada tanah. Meracip boleh dibuat dengan menggunakan denak, memasang jerat bidas dengan umpan buah sawit, menggunakan penyauk atau menyuluh pada waktu malam. Selalunya seekor ayam pemikat (ayam jantan yang hebat berkokok) akan diletakkan berhampiran dengan racik ini. Kokokan ayam pemikat ini akan menyebabkan ayam-ayam lain datang menghampiri kawasan racik dan berlaga sesama mereka. Semasa berlaga itu akan ada kaki ayam yang akan masuk dalam jerat racik ini yang sering dipasang di kawasan hutan atau ladang sawit.

Dikatakan keberkesanan penggunaan racik dalam memburu ayam hutan ini membolehkan 90% hasil tangkapan diperolehi. Selain meracik memburu dengan menggunakan senapang merupakan kaedah moden yang digunapakai oleh pemburu ayam hutan ini. Ayam hutan yang terkena bedilan peluru penabur dari senapang yang digunapakai perlu segera disembelih sebelum dibawa pulang.

Terdapat juga ayam hutan yang dijual di pasaran dan pada kebiasaannya harga induk sekitar RM30 hingga RM50 untuk seekor, namun kadang kala boleh mencecah sehingga RM150 ke atas untuk seekor. Selain itu bagi ayam hutan yang diburu secara haram, harganya boleh mencecah sehingga RM500 seekor di pasaran gelap tempatan. Ini menjadikan kegiatan pemburuan haram ayam hutan semakin berleluasa memandangkan kepada permintaan dan tawaran yang tinggi dari peminat haiwan eksotik yang ingin menjadikan ayam hutan sebagai haiwan peliharaan. Namun ayam hutan sukar dipelihara kerana akan mati meragan jika dikurung. Di negara Malaysia, pihak Jabatan Perhilitan ditugaskan untuk menguatkuasakan akta bagi melindungi ayam hutan yang dikategorikan sebagai haiwan liar dan burung liar daripada pupus dan ditangkap oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Kebanyakan bentuk penjualan ayam hutan secara tidak sah ini dilakukan dengan menggunakan medium platform media sosial dan urusan penjualan cara ini menyalahi undang-undang negara. Ini jelas dalam Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972/76 dibawah seksyen 68 dinyatakan ayam hutan/*red junglefowm (Gallus gallus)* adalah menjadi suatu kesalahan bagi aktiviti menembak, membunuh dan mengambil haiwan yang dilindungi ini. Jika disabitkan dengan kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM3,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali. Begitu juga, pemilikan ayam hutan tanpa dokumen merupakan satu kesalahan dan boleh dikenakan hukuman denda sehingga RM100,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali. Namun pada musim tertentu permohonan lesen dari Jabatan Perhilitan bagi memburu binatang liar dan burung liar ini adalah dibenarkan dan bagi tujuan memelihara lesen juga boleh dipohon dari Jabatan yang sama.

#### Rujukan:

- Eriksson J, Larson G, Gunnarsson U, Bed'hom B, Tixier-Boichard M, et al. (2008) *Identification of the Yellow Skin Gene Reveals a Hybrid Origin of the Domestic Chicken*. PLoS Genet January 23, 2008.
- [https://ms.wikipedia.org/wiki/Ayam\\_Hutan\\_Merah](https://ms.wikipedia.org/wiki/Ayam_Hutan_Merah)
- <http://animhosnan.blogspot.com/2012/08/ayam-hutan.html>
- <https://malaycivilization.com.my/items/show/89527>
- Hazelen Liana Kamarudin (19hb Februari 2019). Ayam hutan hibrid naik harga penangan seekor RM500, Sinar Harian
- <http://fajarizz.blogspot.com/2011/04/jaguh-buru-ayam-hutan.html>